

---

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**

**BILANGAN 8 TAHUN 2025**

---

**GARIS PANDUAN  
PENAWARAN PROGRAM PENSIJILAN PROFESIONAL  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
15 April 2025

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Pendaftar  
Pegawai-Pegawai Kanan

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**  
**BILANGAN 8 TAHUN 2025**

**GARIS PANDUAN PENAWARAN PROGRAM PENSIJILAN PROFESIONAL  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

**1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan Mesyuarat Senat Kali Ke-244 Bil. 4/2025 pada 15 April 2025 telah bersetuju dengan Garis Panduan Penawaran Program Pensijilan Profesional Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai panduan kepada staf UPSI.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Program pensijilan profesional adalah suatu program pendidikan bukan formal (*non-formal education*) yang bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk mempertingkatkan tahap profesionalisme individu dalam bidang tertentu. Pensijilan ini perlu dibezakan dengan Sijil Kemahiran Tahap 1 - 3 MQF yang ditawarkan oleh Institusi Pendidikan Teknik dan Vokasional serta Sijil Profesional yang ditawarkan oleh badan-badan profesional.
- 2.2 Walaupun program pensijilan profesional tidak tertakluk sepenuhnya kepada keperluan jaminan kualiti yang ditetapkan dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Framework MQF*) dari segi jumlah kredit minimum dan hasil pembelajaran, ia masih perlu mendapat kelulusan Senat UPSI sebelum ditawarkan.

- 2.3 Semua Pusat Tanggungjawab (PTj) di UPSI, sama ada PTj Akademik atau PTj Perkhidmatan, diberi peluang untuk membangun dan menawarkan program pensijilan profesional mengikut bidang kepakaran masing-masing.

### **3.0 JUSTIFIKASI**

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai sebuah Penyedia Pendidikan Tinggi (*Higher Education Provider* HEP), bertanggungjawab memastikan penawaran program pensijilan profesional dilaksanakan dengan sistematik dan berkualiti. Pembangunan program pensijilan profesional ini perlu mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh universiti.

### **4.0 CADANGAN PELAKSANAAN**

- 4.1 Garis panduan ini merangkumi aspek-aspek berikut:
- 4.1.1 Kategori Pensijilan
  - 4.1.2 Keperluan Pembangunan Program
    - Kepakaran Staf
    - Penamaan Program
  - 4.1.3 Struktur dan Pelaksanaan Program
    - Hasil Pembelajaran Program dan Kursus
    - Jam Kredit
    - Struktur Kurikulum
  - 4.1.4 Pengurusan Akademik
    - Pengurusan Kod Program
    - Pengurusan Kod Kursus
  - 4.1.5 Jangkamasa Program
  - 4.1.6 Prosedur dan Pentadbiran
  - 4.1.7 Proses Permohonan Program Pensijilan Profesional
  - 4.1.8 Penganugerahan Pensijilan Profesional
  - 4.1.9 Implikasi Kewangan
- 4.2 Perincian bagi setiap aspek adalah seperti di **Lampiran A**.

## **5.0 KEPUTUSAN SENAT**

- 5.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju meluluskan Garis Panduan Penawaran Program Pensijilan Profesional Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai panduan kepada staf UPSI.

## **6.0 TARIKH KUAT KUASA**

Surat Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 15 April 2025.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”**



**(SUHAILA SÍDEK)**  
Ketua Timbalan Pendaftar  
Bahagian Hal Ehwal Akademik  
Tarikh: 15 April 2025

# LAMPIRAN A



## **GARIS PANDUAN PENAWARAN PROGRAM PENSIJILAN PROFESIONAL UPSI**

### **1.0 Tujuan**

Garis panduan ini bertujuan untuk menyediakan panduan bagi membantu Pusat Tanggungjawab (PTj) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mereka bentuk dan membangunkan kurikulum untuk penawaran program pensijilan profesional yang memenuhi keperluan industri dan menghasilkan individu yang kompeten dalam bidang pengkhususan masing-masing.

### **2.0 Dasar dan Skop**

- 2.1 Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai sebuah Penyedia Pendidikan Tinggi (Higher Education Provider HEP), bertanggungjawab memastikan penawaran program pensijilan profesional dilaksanakan dengan sistematik dan berkualiti. Pembangunan program pensijilan profesional ini perlu mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh universiti.
- 2.2 Walaupun program pensijilan profesional tidak tertakluk sepenuhnya kepada keperluan jaminan kualiti yang ditetapkan dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualification Framework MQF) dari segi jumlah kredit minimum dan hasil pembelajaran, ia masih perlu mendapat kelulusan Senat UPSI sebelum ditawarkan.
- 2.3 Semua Pusat Tanggungjawab (PTj) di UPSI, sama ada PTj Akademik atau PTj Perkhidmatan, diberi peluang untuk membangun dan menawarkan program pensijilan profesional mengikut bidang kepakaran masing-masing.

### **3.0 Definisi**

Program pensijilan profesional adalah suatu program pendidikan bukan formal (*non-formal education*) yang bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk mempertingkatkan tahap profesionalisme individu dalam bidang tertentu. Pensijilan ini perlu dibezakan dengan Sijil Kemahiran Tahap 1 -3 MQF yang ditawarkan oleh Institusi Pendidikan Teknik dan Vokasional, serta Sijil Profesional yang ditawarkan oleh badan-badan profesional.

#### **4.0 Kategori Pensijilan**

4.1 Pensijilan Profesional di UPSI boleh dibangunkan dalam dua kategori:

4.1.1 Pensijilan Profesional yang berasaskan kepada program akademik sedia ada yang telah mendapat kelulusan Senat UPSI. Kurikulum boleh digubal berdasarkan keseluruhan atau sebahagian daripada program tersebut.

4.1.2 Pensijilan Profesional yang berasaskan kepada kurikulum sendiri (*stand-alone*) yang bukan sebahagian daripada program akademik sedia ada. Kurikulum boleh digubal berdasarkan kepada permintaan daripada pihak industri atau agensi yang berkaitan.

#### **5.0 Keperluan Pembangunan Program**

Pembangunan program pensijilan profesional memerlukan perancangan yang teliti dan komprehensif untuk memastikan kualiti dan keberkesanan program yang akan ditawarkan.

##### **5.1 Kepakaran Staf**

5.1.1 Setiap PTj perlu memiliki kepakaran dalaman yang mencukupi dan bersesuaian dalam bidang pensijilan profesional yang dipohon. Keperluan ini penting untuk memastikan kelestarian dan kualiti program pensijilan profesional dapat dikekalkan dalam jangka masa panjang.

5.1.2 PTj tidak dibenarkan bergantung sepenuhnya kepada kepakaran pihak luar dalam pengendalian program. Sebarang permohonan penawaran pensijilan profesional yang berasaskan kepada kepakaran luar sepenuhnya tidak akan dipertimbangkan.

##### **5.2 Penamaan Program**

Penamaan program hendaklah mencerminkan bidang tujahan yang selaras dengan tahap profesionalisme yang dihasratkan. Pemilihan nama program perlu berdasarkan kepada salah satu daripada kriteria berikut:

- i. kurikulum sedia ada di universiti; atau
- ii. bidang yang telah ditakrifkan oleh agensi berkaitan

## **6.0 Struktur dan Pelaksanaan Program**

### **6.1 Hasil Pembelajaran Program dan Kursus**

Pembangunan program pensijilan profesional memerlukan perhatian khusus terhadap hasil pembelajaran. Hasil pembelajaran program perlu menggambarkan matlamat umum program, dengan bilangan Program Learning Outcome (PLO) yang boleh disesuaikan mengikut keperluan program. Manakala hasil pembelajaran kursus pula perlu selaras dengan jumlah kredit yang ditetapkan bagi setiap kursus.

### **6.2 Jam Kredit**

Jumlah kredit adalah mengikut *notational hours* MQA iaitu 1 jam kredit bersamaan dengan 40 jam Student Learning Time (SLT).

### **6.3 Struktur Kurikulum**

6.3.1 Program pensijilan profesional boleh terdiri daripada minimum satu kursus, dengan setiap kursus perlu disediakan mengikut format proforma yang ditetapkan oleh Senat UPSI.

6.3.2 Pentaksiran perlu dilaksanakan bersesuaian dengan hasil pembelajaran kursus.

6.3.3 Penganugerahan pensijilan profesional adalah diberikan oleh PTj yang memohon samada sebagai penyertaan atau tamat program.

6.3.4 Bagi program yang dibangunkan dengan kerjasama pihak luar, permohonan perlu disokong dengan Memorandum Persefahaman (MoU) atau Memorandum Perjanjian (MoA).

## **7.0 Pengurusan Akademik**

### **7.1 Pengurusan Kod Program**

Pembentukan kod program bagi program pensijilan profesional adalah mengikut siri PTj contohnya PSPFSM01 (Program pensijilan profesional Fakulti Sains dan Matematik 01) dan berikutnya.

## 7.2 Pengurusan Kod Kursus

Pembentukan kod kursus bagi program pensijilan profesional adalah seperti Jadual 1 berikut:

Contoh kod kursus: PSPX122

Jadual 1: Pembentukan Kod Kursus Program Pensijilan Profesional

| Contoh kod kursus | Kedudukan kod                   | Tafsiran kod                            |
|-------------------|---------------------------------|-----------------------------------------|
| PSP               | Huruf pertama, kedua dan ketiga | mewakili program pensijilan profesional |
| X                 | Huruf ke empat                  | Mewakili PTj                            |
| 1                 | Angka pertama                   | Mewakili siri program dalam PTj         |
| 2                 | Angka ke tiga                   | Mewakili bilangan kursus                |
| 2                 | Angka ke empat                  | Mewakili kredit                         |

## 8.0 Jangka Masa Program

Jangka masa penawaran program mestilah selari dengan jumlah kredit yang ditawarkan. Jadual pelaksanaan perlu diterangkan secara terperinci.

## 9.0 Prosedur dan Pentadbiran

### 9.1 Proses Permohonan Program Pensijilan Profesional

- 9.1.1 Permohonan penawaran program pensijilan profesional perlu dilakukan oleh PTj dengan melengkapkan borang permohonan, termasuk penentuan kos penawaran;
- 9.1.2 Permohonan yang telah lengkap perlu dihantar kepada Pusat Pembangunan Akademik UPSI (PPA UPSI) untuk pengesahan aspek jaminan kualiti;
- 9.1.3 Permohonan yang telah disemakoleh PPA UPSI akan dihantar kepada urusetia Jawatankuasa Perancangan Akademik Universiti (JKPA) untuk perakuan dan Senat UPSI untuk kelulusan penawaran program;
- 9.1.4 Carta alir proses permohonan program pensijilan profesional seperti di LAMPIRAN 1.

### 9.2 Penganugerahan Pensijilan Profesional

Penganugerahan pensijilan profesional kepada peserta adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 9.2.1 Senat UPSI akan menganugerahkan pensijilan profesional kepada peserta yang telah memenuhi kesemua keperluan kursus yang ditetapkan, tanpa mengira sama ada program tersebut berasaskan kurikulum mandiri(*stand-alone*) atau berasaskan program akademik sedia ada.

## **10.0 Implikasi Kewangan**

Setiap permohonan program perlu disertakan dengan perancangan kewangan yang terperinci.

## LAMPIRAN 1: Proses Permohonan Program Pensijilan Profesional

